

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN SLOGAN UNTUK PERSATUAN SAINS KESIHATAN BERSEKUTU JABATAN KESIHATAN NEGERI KELANTAN (KELAHP)

▪ LATAR BELAKANG

Pertandingan mencipta logo dan slogan bagi Persatuan Sains Kesihatan Bersekutu Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (KELAHP) dianjurkan bagi mencipta logo dan slogan yang menarik, pendek dan mudah diingat untuk digunakan dalam aktiviti persatuan.

▪ OBJEKTIF PERTANDINGAN

- ✓ Memilih logo dan slogan yang terbaik.
- ✓ Memberi peluang kepada orang awam untuk sama-sama menyumbang ke arah menjayakan aktiviti persatuan berasaskan kesihatan dan kemasyarakatan.
- ✓ Sebagai satu usaha promosi aktiviti KELAHP.



▪ **SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN SLOGAN**

- ✓ Terbuka kepada seluruh rakyat Kelantan yang berumur 18 tahun ke atas
- ✓ Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun hanya satu pemenang sahaja yang akan dipilih.
- ✓ Semua logo dan slogan yang dihantar hendaklah asli dan tidak divedok / ditiru / diciplak dari mana-mana logo dan slogan sama ada dari dalam atau luar negara. Panel penilai/ urusetia berhak menolak mana-mana penyertaan sekiranya didapati tidak asli.
- ✓ Semua logo dan slogan yang diterima akan menjadi hak milik Persatuan Sains Kesihatan Bersekutu Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (KELAHP). Pihak KELAHP berhak ke atas logo dan slogan sama ada untuk meminda atau mengubah kandungan bagi tujuan semua aktiviti promosi persatuan.



▪ SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN SLOGAN

- ✓ Borang boleh didapati di laman web Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan di URL berikut <http://jknkelantan.moh.gov.my/v3/>
- ✓ Maklumat berkaitan dengan Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, tuan/puan boleh melayari <http://alliedhealth.moh.gov.my>
- ✓ Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang yang disediakan. Sila isi maklumat yang diperlukan dalam borang tersebut. Pihak urusetia berhak menolak borang permohonan yang tidak lengkap.
- ✓ Tarikh tutup penyertaan adalah pada 30 Julai 2019
- ✓ Satu Pemenang sahaja akan dipilih dan akan menerima hadiah wang tunai bernilai RM200
- ✓ Pemenang akan dihubungi melalui telefon @ emel.



▪ **SPEKIFIKASI LOGO DAN SLOGAN**

- ✓ Logo dan slogan yang dicipta tidak boleh menyentuh isu-isu sensitif / agama / bangsa atau menggunakan perkataan kurang sopan
- ✓ Logo dan slogan hendaklah menepati objektif untuk mempromosi Persatuan BSKB JKNK (KELAHP) dan aktiviti Persatuan.
- ✓ Setiap slogan hendaklah tidak melebihi tujuh (7) patah perkataan
- ✓ Slogan hendaklah dibuat dalam Bahasa Malaysia sahaja
- ✓ Setiap logo dan slogan yang dikemukakan hendaklah disertai penerangan yang jelas dan tepat
- ✓ Setiap logo dan slogan perlu dihantar dalam format jpeg atau AI atau mana-mana format gambar yang sesuai secara softcopy



▪ **DOKUMEN PERMOHONAN PENYERTAAN**

✓ Setiap peserta yang ingin menyertai pertandingan ini dikehendaki menyediakan dokumen seperti berikut:

- Borang penyertaan
- Reka bentuk logo bersama penerangan slogan dan penjelasan konsep
- Penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk soft copy atau dalam apa-apa format gambar yang boleh diubahsuai kepada emel

upknegerikelantan@gmail.com

u.p. En. Mohd Azuan Bin Mustapa (09-774 2099)



BORANG PENYERTAAN DAN AKUAN

Saya _____ No. K/P: _____ yang
beralamat di _____
_____ dengan sesungguhnya
dan sebenarnya mengaku bahawa:-

(1) Slogan dan logo yang saya cipta sempena Pertandingan Mencipta Slogan dan Logo untuk Persatuan Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu Kelantan (KELAHP) anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan adalah baharu, asli dan tidak diciplak dari mana-mana logo serta tidak mengandungi unsur atau elemen sensitif.

(2) Slogan dan logo yang saya cipta akan menjadi hak milik Persatuan Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu Kelantan (KELAHP) dan pihak KELAHP berhak ke atas slogan dan logo yang saya cipta untuk meminda atau mengubah kandungan bagi tujuan semua aktiviti promosi Persatuan KELAHP.

(3) Saya juga mengaku bahawa segala maklumat mengenai diri saya seperti nama, alamat, tandatangan dan segala hal yang berkaitan dengan diri saya adalah benar belaka.

(4) Saya juga tidak akan membuat sebarang tuntutan atau royalti di atas hakcipta yang dihantar.

Saya yang benar,

Nama :

Tandatangan :

No.Telefon & alamat Emel :

Tarikh :